

IQRA'

Bil. 4/2022
APRIL

eISBN : 2735-1920



**Majlis Sanjungan Budi Ketua Pustakawan
Ts. Noor Hidayat bin Adnan**
PTAR Shah Alam - muka 4




**Program Khidmat Masyarakat: Kongsy
Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadan**
PTAR Jasin - muka 14



**Live@PTAR: Tazkirah Ramadan -
Keutamaan 10 malam Terakhir Ramadhan**
PTAR Kuala Terengganu - muka 17




Jom Baca Bersama 10 Minit@PTDI
PTAR Segamat - muka 30



Quran Hour@PST
PST Shah Alam - muka 38

PROMOSI@PTAR



Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam



Sinergi antara Jabatan Sains Gunaan (JSG) dan PTAR UiTM CPP telah meraikan seramai 35 orang pelajar Pra Pendidikan Tinggi (PPT) serta Kolej Pengajian Kejuruteraan semester 1 daripada golongan B40 melalui Program Kongsi Rezeki 1.0 pada 22 April 2022 yang lepas. Melalui program ini, sumbangan hamper Hari Raya berserta set hidangan KFC telah diserahkan kepada pelajar oleh Dr. Mohd. Muzafar Jumidali, Koordinator JSG.

Majlis telah dimulakan pada jam 3.30 petang dengan taklimat ringkas mengenai PTAR oleh Encik Mohd Shafarin Saad, Pembantu Pustakawan Unit Perkhidmatan Pelanggan. Kemudian ia disusuli dengan pertandingan kuiz Kahoot kepada para pelajar serta penyampaian hadiah kepada para pemenang. Seterusnya ucapan aluan telah disampaikan oleh Koordinator JSG sebelum penyerahan sumbangan dilaksanakan.

Program Kongsi Rezeki 1.0 ini dianjurkan sebagai program berkala oleh Jabatan Sains Gunaan UiTM CPP dan penglibatan PTAR adalah untuk menggalakkan para pelajar mengunjungi perpustakaan serta menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan. Semua pelajar yang terlibat berasa seronok berada di perpustakaan memandangkan ini merupakan kali pertama mereka menjejakkan kaki ke perpustakaan. Semoga program kerjasama seperti ini dapat diteruskan lagi untuk manfaat semua pihak.

